



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(a)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)
AKADEMI PERTAHANAN, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
AKADEMI PERTAHANAN, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.3 [\$3,880 - \$4,240 SEBULAN]
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


- 1) i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Communication / Defense Studies / History / Information Technology / International Relations / International Security Studies / Management / Policy Studies / Political Studies / Psychology / Security Studies / Strategic Studies / Teaching and Education / War Studies* atau bidang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- 2) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- 3) Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:
 - i. Peperiksaan Jabatan (jika ada).
 - ii. Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
 - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.
- 4) Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

AKADEMI PERTAHANAN, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. Memastikan pengajaran akademik yang diberikan di seluruh Akademi Pertahanan dalam berkualiti tertinggi;
2. Memberi nasihat kepada Komandan Akademi Pertahanan mengenai perkara berkaitan akademik;
3. Memberi nasihat kepada pelajar *command and staff course (CSC)*, *Leadership Management Centre (LMC)* dan *Officer Cadet School (OCS)* mengenai perkara yang berkaitan dengan akademik;
4. Menyiasat dakwaan *plagiarism*;
5. Bertanggungjawab untuk mendidik dan menyampaikan kuliah untuk setiap pengambilan *OCS*, *Promotion Exam Candidate (PROMEX)*, *Junior Staff Course (JSC)* dan maktab turus (jika perlu);
6. Merancang dan menjalankan penilaian asas akademik bagi calon *OCS* dan pelajar-pelajar pada kursus lain yang dijalankan oleh Akademi Pertahanan;
7. Membantu menganalisis keperluan pembelajaran, dan *trend* antarabangsa dalam pendidikan akademik; dan
8. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak atasan.